

STPM Kertas 1 2017:

Soalan 3 Jawapan yang dicadangkan

- (a) Tiga kelebihan pembiayaan melalui instrumen hutang berbanding dengan pembiayaan melalui terbitan saham:
1. Pembiayaan melalui instrumen hutang adalah lebih cepat diperoleh dan melibatkan kos yang lebih rendah.
 2. Kuasa kawalan dan pemilikan ekuiti tidak terjejas.
 3. Kos servis dan pembayaran balik yang tetap boleh membantu dalam proses perancangan.
 4. Belanja faedah yang dibayar adalah satu tolakan untuk pengiraan liabiliti cukai.
 5. Pembayaran faedah dan pembayaran balik pinjaman pada masa-masa yang ditetapkan akan menambahkan kelayakan kredit syarikat.
- (b) Tiga kelebihan perniagaan jenis keempunyaan tunggal berbanding dengan perniagaan jenis perkongsian:
1. Boleh menguruskan perniagaan mengikut kehendak sendiri.
 2. Tidak perlu membahagikan keuntungan dengan individu lain.
 3. Keputusan boleh dibuat secara sendiri tanpa berunding dengan individu-individu lain.
- (c) Catatan jurnal:

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2015		RM	RM
Jan 1	Inventori Akaun belum bayar (Merekod belian inventori dari Syarikat One world Sdn Bhd)	50,000	50,000
30	Akaun belum bayar Nota belum bayar 5% (Merekod pembayaran akaun belum bayar Syarikat One World Sdn Bhd dengan nota janji)	50,000	50,000
Apr 1	Bank Pinjaman bank (Merekod perolehan pinjaman dari Bank Pertama Berhad)	200,000	200,000
2	Bangunan Tunai (Merekod belian bangunan, termasuk bayaran guaman)	505,000	505,000
30	Perabot Nota belum bayar 7% (Merekod belian perabot dengan nota janji)	30,000	30,000
Mei 1	Nota belum bayar 5% Belanja faedah Bank	50,000 625	50,625

	(Merekod penjelasan nota janji dengan faedah)		
Ogos 1	Nota belum bayar 7% Belanja faedah Bank (Merekod penjelasan nota janji dengan faedah)	30,000 525	30525
Okt 1	Pinjaman bank Belanja faedah Bank (Merekod ansuran pinjaman yang dibayar)	50,000 8,000	58,000
Dis 31	Belanja faedah Belanja faedah belum bayar (Merekod pelarasan untuk belanja faedah)	4,000	4,000